



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB SENATOR DATO' SETIA
DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

**PROGRAM ZIARAH MADANI BERSAMA MASYARAKAT
ORANG ASLI NEGERI MELAKA
SERTA PENYERAHAN SURAU BAHARU
KAMPUNG ORANG ASLI BUKIT SERAYA**

TARIKH:

**18 MEI 2025 / 20 ZULKAEDAH 1446H
(AHAD)**

TEMPAT:

**KAMPUNG ORANG ASLI BUKIT SERAYA
JASIN, MELAKA**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ:

Salam Perpaduan, Salam Malaysia MADANI dan salam sejahtera.

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI)

1. Saya ingin memulakan ucapan saya pada pertemuan ini dengan mengajak semua yang hadir menghayati firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ.

Maksud Ayat:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

2. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menjayakan **Program Ziarah MADANI Bersama Masyarakat Orang Asli Negeri Melaka, serta penyerahan Surau Baharu di Kampung Orang Asli Bukit Seraya.**

Para hadirin yang dimuliakan,

3. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini, khususnya **JAKIM** serta semua agensi yang turut berkolaborasi, iaitu **Jabatan Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Tabung Haji, dan Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.**
4. Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan **ucapan terima kasih kepada seluruh barisan kepimpinan negeri Melaka dan warga Desa Permai** di atas kesudian menerima kunjungan kami serta memberi sokongan padu bagi memastikan kejayaan Program Ziarah MADANI Bersama Masyarakat Orang Asli ini.

Para hadirin yang dimuliakan,

5. Saya dimaklumkan bahawa **Program Ziarah MADANI Bersama Masyarakat Orang Asli ini melibatkan lima (5) buah Kampung Orang Asli di Daerah Jasin.** Program ini merangkumi pelbagai aktiviti, antaranya program ramah mesra bersama masyarakat, gotong royong, penyampaian sumbangan, dan pelbagai lagi. Semua ini bertujuan untuk memperkukuhkan ikatan perpaduan dalam Komuniti MADANI, tidak kira di mana kita berada, sambil memberikan bantuan kepada masyarakat Orang Asli khususnya di Daerah Jasin, agar sedikit sebanyak dapat meringankan beban kehidupan mereka.
6. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, sudah pasti program ini memerlukan kerjasama dan kolaborasi strategik antara agensi-agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), serta agensi-agensi lain di peringkat persekutuan dan negeri.
7. Komitmen yang ditunjukkan oleh setiap agensi dalam menjayakan program ini amatlah membanggakan, dengan **jumlah keseluruhan sumbangan mencecah RM326,900.00.** Antara

sumbangan yang diterima termasuklah daripada Lembaga Tabung Haji, yang telah memperuntukkan sebanyak **RM260,000.00 bagi pembinaan Surau Al-Munawwarah**. Di samping itu, Tabung Haji turut menyumbang peruntukan tambahan berjumlah **RM69,250.00**. Tidak ketinggalan, **Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** juga telah menyalurkan **sumbangan kewangan sebanyak RM62,100.00** sebagai sokongan terhadap usaha murni ini.

8. Semoga usaha murni ini membuahkan hasil yang terbaik serta dapat mempererat lagi jalinan perpaduan dalam kalangan Komuniti MADANI.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

9. Sejak ketibaan saya tadi, saya amat teruja dengan kemeriahan dan keceriaan yang dipamerkan oleh masyarakat Orang Asli di sini dalam menjayakan program ini, terutamanya dalam menyambut dan mengalu-alukan kedatangan kami.
10. Kehangatan sambutan dan kemesraan layanan yang diberikan pastinya akan kekal tersemat dalam ingatan dan sentiasa dikenang.

Tarian Sewang Selamat Datang yang dipersembahkan untuk mengiringi ketibaan kami, serta pemakaian dandan dan selempang yang diperbuat daripada daun kelapa bagi meraikan tetamu, merupakan warisan yang penuh dengan keunikan dan nilai budaya masyarakat Orang Asli. Semua ini perlu dikekalkan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

11. Penzahiran budaya yang istimewa ini memberikan pengajaran kepada kita semua bahawa negara kita, yang terdiri daripada pelbagai etnik, kaum, serta variasi adat, adalah warisan yang perlu dibanggakan. Komuniti MADANI memiliki budaya yang kaya, yang menjadi azimat agar kita dapat hidup aman, harmoni, dan sentosa bersama.
12. Secara khususnya, tahniah saya ucapkan kepada kumpulan tarian Sewang yang telah membuat persembahan yang mengagumkan, serta kepada mereka yang telah menyediakan tepok ini. Semoga usaha dan dedikasi anda semua terus memberikan inspirasi kepada kita semua.

Para hadirin yang dihormati,

13. Program Ziarah MADANI Bersama Masyarakat Orang Asli ini merupakan manifestasi nyata **kecaknaan dan keprihatinan Kerajaan Perpaduan** dalam memastikan keberhasilan yang terbaik, selari dengan matlamat mewujudkan Masyarakat MADANI yang berpaksikan nilai-nilai murni dan citra Malaysia.
14. Seperti yang telah saya bacakan dalam firman Allah SWT di awal ucapan tadi, jelas dinyatakan dalam al-Quran bahawa Allah menciptakan kita berbilang bangsa dan bersuku-suku kaum dengan tujuan agar kita saling berkenalan, memahami antara satu sama lain, serta menghargai kepelbagaian budaya dan adat. Inilah asas kepada keharmonian dan kemakmuran negeri dan negara yang perlu kita pelihara bersama.
15. Bertitik tolak daripada saling mengenali dan memahami, kita dipupuk untuk saling menghormati. Nilai **Hormat** ini merupakan **salah satu daripada enam (6) Nilai Teras Malaysia MADANI**. Ia menampilkan perilaku berbudi bahasa serta penghormatan terhadap kekayaan tradisi, sambil merayakan kemajmukan dan perbezaan pandangan dunia. Inilah antara matlamat utama yang ingin diketengahkan melalui program yang kita jayakan hari ini.

16. Prinsip saling hormat menghormati ini juga **seiring dengan pengamalan budi bahasa, kesantunan, dan keperibadian yang berhemah dalam pergaulan seharian, sebagaimana yang diketengahkan melalui Kempen Kalimah Toyyibah** yang saya luncurkan pada tahun lalu. Kempen ini amat bertepatan dengan keperluan semasa dalam usaha membudayakan kembali keluhuran akhlak dalam kalangan masyarakat hari ini.
17. Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan contoh agung insan yang berakhlak mulia dan berbudi pekerti tinggi, sebagaimana sabda Baginda:

أَدَّبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي.

Bermaksud: *"Tuhanku (Allah) telah mendidikku dan Dia telah memperelokkan didikan bagiku."*

(Riwayat Ibnu Hibban)

18. Semoga, melalui kerangka Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri dan diperkukuhkan dengan dasar-dasar di bawah seliaan Menteri Hal Ehwal Agama, negara ini akan terus melangkah maju membina kehidupan yang aman, damai dan harmoni. Keunikan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum,

agama dan budaya wajar dilihat sebagai suatu kelebihan untuk kita membina kekuatan — anugerah yang harus diraikan oleh setiap rakyat Malaysia.

Hadirin yang di rahmati Allah,

19. Pada kesempatan ini, saya ingin memaklumkan bahawa Program Ziarah Madani Bersama Masyarakat Orang Asli ini turut merangkumi **penyerahan sebuah surau yang telah siap dibina hasil sumbangan Tabung Haji, kepada penduduk Kampung Orang Asli Bukit Seraya**. Penyerahan secara rasmi surau ini kepada pihak kerajaan negeri bertujuan memastikan ia dapat diselia secara berterusan oleh pihak berkuasa agama negeri. Dalam masa yang sama, ia juga melambangkan kerjasama strategik antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri.
20. Surau yang dinamakan **Surau Al-Munawwarah ini dibina dengan kos keseluruhan sebanyak RM260,000**. Ia dibangunkan bagi memenuhi keperluan masyarakat untuk beribadah dengan lebih selesa, di samping berperanan sebagai pusat sehati bagi aktiviti sosial dan pengukuhan rohani. Diharapkan surau ini dapat

diimarahkan sebaik mungkin dan menjadi pemangkin kepada penyatuan hati Komuniti Madani di Kampung Orang Asli Bukit Seraya serta kampung-kampung sekitar.

21. Selain itu, **bantuan kelengkapan surau sumbangan TH turut akan diserahkan kepada empat buah surau di Kampung Orang Asli dalam Daerah Jasin, dengan jumlah keseluruhan bernilai RM60,000.** Surau baharu di Kampung Orang Asli Bukit Seraya juga akan menerima sumbangan tambahan sebanyak RM20,000 bagi tujuan pengimarahkan dan pengoperasian surau tersebut.
22. Program ini juga merangkumi penyerahan **Bantuan Bakul Rahmah Madani sumbangan Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada 220 ketua isi rumah.** Diharapkan bantuan ini dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan harian dan mampu mengukir senyuman di wajah para penerima sumbangan, walaupun seketika.
23. Semoga sumbangan-sumbangan ini memberi manfaat yang sebaiknya kepada seluruh warga Kampung Orang Asli di Daerah Jasin, dan menjadi simbol keprihatinan serta sokongan berterusan kerajaan terhadap kesejahteraan komuniti."

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

24. Bersempena dengan Sambutan Hari Ibu yang diraikan pada bulan Mei ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ibu yang hadir, atas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan demi keluarga tercinta.
25. Agama Islam meletakkan kedudukan ibu pada tahap yang sangat tinggi, dan agama-agama lain juga turut mengangkat martabat ibu sebagai tonggak dalam sesebuah rumahtangga. Pengorbanan seorang ibu tidak ternilai, walaupun dengan imbalan wang berjuta ringgit. Dari saat mengandungkan anak selama sembilan bulan sepuluh hari, melalui saat-saat kelahiran yang penuh kesakitan, berjaga siang dan malam menjaga anak membesarkan, mendidik mengenal dunia, melayan kerenah ketika sakit dan sedih — semuanya dilakukan dengan penuh kasih sayang dan keikhlasan.
26. Peranan besar kaum ibu tidak terhenti kepada keluarga sahaja. Mereka juga aktif menyumbang dalam komuniti, membangunkan negara bangsa serta melakar sejarah dalam pembangunan negara. Sesungguhnya, hanya Allah SWT yang mampu membalas segala

jasa dan pengorbanan mereka. Semoga kita semua menjadi anak-anak yang sentiasa menghargai ibu, terutama ketika mereka berada di usia emas, dengan layanan penuh kasih dan hormat.

27. Sehubungan itu, pada program hari ini, seorang ibu yang telah banyak berjasa dan menjadi teladan dalam kalangan masyarakat Orang Asli akan diberikan pengiktirafan sebagai **Ibu Qudwah Masyarakat Orang Asli**.
28. Sesungguhnya, pengorbanan dan ketabahan puan amat besar ertinya, bukan hanya kepada keluarga, tetapi juga kepada komuniti. Semoga anugerah ini menjadi simbol bahawa setiap pengorbanan ibu tidak pernah dilupakan, dan sentiasa ada yang menghargainya. Sekalung tahniah saya ucapkan.
29. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **para pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari kalangan masyarakat Orang Asli di negeri Melaka**. Usaha gigih adik-adik dalam menuntut ilmu akhirnya membuahkan hasil yang membanggakan. Teruskan momentum ini dalam mengejar ilmu dan kejayaan. Jadikanlah kejayaan ini sebagai inspirasi kepada rakan-rakan lain agar bersama-sama dapat mengubah masa

depan. Ingatlah, pendidikan adalah kunci yang mampu mengubah landskap kehidupan kita ke arah yang lebih baik.

30. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para belia cemerlang daripada komuniti Orang Asli di negeri Melaka yang telah memberikan sumbangan bermakna kepada negara. Semoga kejayaan yang dicapai ini menjadi contoh terbaik kepada masyarakat sekeliling. Ayuh kita jadikan pencapaian ini sebagai dorongan untuk terus melangkah ke hadapan dan memperkukuh Komuniti MADANI yang progresif dan berdaya saing.

Hadirin yang dirahmati Allah,

31. Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program Ziarah Madani Bersama Masyarakat Orang Asli** pada hari ini. Penghargaan khas saya tujukan kepada Penggerak Masyarakat Orang Asli lantikan JAKIM, serta seluruh warga Kampung Orang Asli di Daerah Jasin yang telah berganding bahu, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, demi merealisasikan program ini dengan jayanya.

32. Harapan saya, semoga program ini menjadi wadah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kita semua serta memperkukuh semangat perpaduan dalam komuniti.
33. Akhir kata, dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Ziarah Madani Bersama Masyarakat Orang Asli Negeri Melaka.**

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.